

Oleh KHAIRUL
ANUAR A SAMAD

KELANTAN menunjukkan tanda awal untuk menguasai Kejuaraan Silat Remaja Kebangsaan apabila tujuh daripada 10 pesilatnya layak ke separuh akhir dalam kelas masing-masing, petang semalam.

Tengku Shukri Raja Ibrahim dari kelas C putera yang menjadi harapan Kelantan untuk memperolehi pingat emas membuktikan kehandalannya mengalahkan Mohd Affendi Derus (Fattani) dengan kiraan 3-0.

Yamaisari Mat Nawi pula meneruskan kemaraan puteri Kelantan dengan mengalahkan Khosiah Kassim (Kedah), juga dengan kiraan 3-0 dalam kelas B.

Ketua jurulatih Kelantan, Encik Mohd Nor Mahmud berkata, semangat kental yang ditunjukkan oleh pesilat remaja Kelantan amat dibanggakan terutama bahagian penyerangan.

Bagaimanapun seorang lagi pesilat harapan Kelantan, Raja Matkar Sulaiman dibatalkan perlawanannya kerana mencederakan Norazam Aziz (Perak) dalam kelas D putera ketika perlawanan penentuan

ke peringkat separuh akhir.

Sementara itu, dua pesilat terpaksa menerima rawatan di Hospital Besar Kota Bharu, kerana mengalami kecederaan. **B. Harian (M)**

Norazam Aziz (Perak) dirawat kerana terkena sepakan bawah perut dari Raja Matkar Sulaiman (Kelantan) ketika perlawanan pusingan kedua.

Mohd Shakief Zainuddin (WP) menerima pemeriksaan rapi di bahagian tengkoknya kerana terkena sepakan Zul Azmi Salleh (Selangor) dalam pusingan pertama. Zul Azmi dibatalkan perlawanannya.

Keadaan mereka tidak membimbangkan.

KEPUTUSAN SUKU AKHIR — Bahagian Putera Kelas A: Perwira Husin (Mel) mn Mohd Basir Mohd Ali (Ter), Mohd Saifullah Mohd Noor (Kel) mn Bakhtiar Kassim (Gayong), Mohd Azli Noor (Ked) mn Rosli Hamid (NS), Mohd Aizam Adli (Sel) mn Zaileen M Nor (WP).

Kelas B: Abdullah Hafidz (Gayong) mn Zainal Nong (Ter), Megat Asnol Ali Megat Abu Khalifah (Sel) mn Mohd Yusof Botak (Mel), Mohd Khairul Mohd Noh (Fattani) mn Mohd Zaidi Ahmad Noor (N.S), Mohd Nasir Saleh (Kel) mn Tajul Iskandar Mohd Tajuddin.

Kelas C: Shahrul Asmin (Sel) mn Norhazainol Ali (Per), Yasser Arafat Ahmad (Pk) mn Mudzil Nizam (N.S), Ahmad Tajuddin Ahmad (Ter) mn Mohd Hanapiyah Md Lip (Mel), Tengku Shukri Raja Ibrahim (Kel) mn Mohd Affendi Derus

Tujuh pesilat Kelantan tunjuk gagah



■ SENGIT...pertarungan di antara Shahrul Apindi (kiri) dari Gayong Malaysia menentang Ismanizam. Shahrul menang 3-0.

(Fattani).

Kelas D - Nurazam Aziz (Pk) mn Raja Matkar Sulaiman (Kel), Izzam Ahmad (NS) mn Shahrudin Saidin (Per), Mohd Shakief Zainuddin (WP) mn Zul Azmi Salleh (Sel), Aziz Bakar (Mel) mn Mohd Faizal Jamil (Lincach).

Kelas E: Taufik Mohd Ali (NS) mn Hasnizam Ahmad (Ked), Azman Ibrahim (Kel) mn Syahrul Fahmi (Ter), Mohd Nizam Hamid (Gayong) mn Jamari Salim (Fattani).

Kelas F: Mohd Shah Bachok (Joh) mn Raja Khairil Eddy (WP), Sophan Supihan (Per) mn Zahrul Arif (Pk), Ibrahim Suib (Fattani) mn Zaidi Asmawi (Lincach).

Kelas G: Khairul Anuar (Kel) mn Sha-

fie Salleh (Lincach), Azrin Abdullah (WP) mn Irawan Nadzli Ahmad (Mel). Kelas H: Mohd Adli Md Dunn (Kel) mn Syamsul Anuar (Sel), Mohd Amin Ali (Ked) mn Norazizi Mohd (Fattani). Kelas I: Zulkiffi Mohd Muhtiar (Fattani) mn Azizan Osman (Mel).

22 MAY 1991
Bahagian Puteri — Kelas B: Norazura Hassan (Lincach) mn Norhanita Ali (Fattani), Yamaisari Mat Nawi (Kel) mn Khosiah Kassim (Ked), Norazian Ali (Gayong) mn Yuswita Ali (NS), Haslina Hassan (Joh) mn Susilawati Ahmad (Pk).

Kelas C — Harmiza Harun (Per) mn Norizah Salleh, Nor Azlinda (Gayong) mn Nurul Hanum Ahmad (Kel).